

Negara hargai jasa polis

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan berpuas hati dengan prestasi pasukan polis dalam mengawal keselamatan negara dan membendung kegiatan jenayah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pasukan polis kini bukan sahaja mampu mengawal ancaman komunis tetapi menyekat jenayah 'bentuk baru' khususnya penipuan di bidang perniagaan.

"Ini satu kenyataan yang ditempuhi oleh pasukan polis bahawa tugasnya semakin berat apabila negara bertambah maju.

"Soal keselamatan atau penguatkuasaan undang-undang bukan lagi tugas asli pasukan polis. Ia kini terpaksa memikirkan jenayah-jenayah baru yang mungkin wujud dan mencegahnya daripada berlaku," katanya di majlis Malam Mengenang Jasa dan Pelancaran Tabung Bekas Polis, anju-

ran Persatuan Bekas-Bekas Polis Malaysia (PBPM), di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, umum sudah sedar bahawa anggota polis memang selalu terdedah kepada bahaya serangan penjenayah.

"Tidak seorang pun anggota polis yang terkecuali daripada ancaman. Peristiwa seperti pembunuhan Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Perak pertengahan tahun 70-an oleh komunis adalah bukti jelas," katanya.

Aman

Pada masa yang sama, katanya, anggota polis terpaksa berhati-hati daripada terpengaruh dengan perbuatan rasuah atau terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

"Setiap anggota polis juga terpaksa membendung nafsu dan

menjaga iman mereka supaya tidak terbabat dengan jenayah," katanya.

Mengenai sejarah pasukan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata pasukan polis mencatat sejarah kegemilangannya menentang pengganas komunis.

"Pada zaman keganasan komunis, pasukan polis bertindak sebagai pasukan bersenjata menentang pengganas-pengganas di hutan, kerana pada masa itu kita belum mempunyai pasukan tentera yang mencukupi. Ketika itulah juga ramai anggota polis terkorban.

"Sememangnya kerajaan dan rakyat terhutang budi kepada pasukan polis dalam menjaga kesejahteraan negara. Oleh itu kita perlu memberi layanan yang baik kepada anggota dan bekas polis bagi mengenang jasa mereka.

"Dalam masa aman seperti sekarang, masyarakat ka-

dangkala lupa terhadap pengorbanan anggota polis," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada bekas anggota polis. Beliau juga mengumumkan bahawa kerajaan akan memberi bantuan tahunan \$50,000 kepada Persatuan Bekas-Bekas Polis Malaysia mulai tahun ini.

Beliau juga menyampaikan pingat penghargaan kepada dua pegawai kanan polis yang terkorban oleh serangan komunis, iaitu bekas Ketua Polis Negara, Allahyarham Tan Sri Haji Abdul Rahman Hashim; dan Ketua Polis Perak, mendiang Tan Sri Khoo Chong Kong serta pesara polis yang bertempur dengan komunis di Bukit Kepong, Sarjan (B) Yusuf Rano.

Pingat penghargaan itu disampaikan kepada ahli-ahli keluarga mereka.